

20 JUL 1996

KONSORTIUM PERKAPALAN BERSEDIA MENJADI SYARIKAT PERKAPALAN TERKEMUKA

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama)-- Konsortium Perkapalan Bhd (KPB), telah bersedia untuk menjadi syarikat perkapalan yang terkemuka di negara ini.

Diketuai oleh Mirzan Mahathir, KPB menyatakan dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini ia telah mengikat memorandum persefahaman (MoU) dengan DiPerdana Corporation Bhd (DiPerdana) untuk menjual Pacific Basin Bulk Shipping Ltd dan keseluruhan perniagaan perkapalan Perbadanan Nasional Shipping Line Bhd kepada DiPerdana.

Ia telah mencadangkan untuk memiliki DiPerdana Kontena Sdn Bhd, iaitu anak syarikat DiPerdana. Cadangan pemilikan itu akan melibatkan pemindahan kesemua operasi, aset dan liabiliti DiPerdana kepada anak syarikat milik penuh, iaitu DiPerdana Kontena.

KPB menyatakan ia akan memperolehi keuntungan RM198.7 juta di peringkat kumpulan melalui penjualan perniagaan perkapalan dan aset ketara bersih (NTA) sesaham KPB kepada RM1.43 daripada RM2.49.

"Cadangan penyusunan semula itu akan meningkatkan modal saham KPB dari RM160.9 juta kepada RM173 juta saham biasa RM1.00 setiap satu," kata kenyataan itu.

KPB menyatakan cadangan penyusunan semula itu akan menyeragamkan kegiatan perniagaan syarikat dengan lebih jelas, iaitu logistik berasaskan tanah dan kegiatan yang berkaitan di bawah KPB dan perniagaan yang berasaskan laut kepada DiPerdana. BERNAMA

JSM RIF